



**BORANG PENYERTAAN
PERTANDINGAN KUMPULAN POP LAGU JOHOR**

Nama Kumpulan :

Nama Ketua Kumpulan :

Alamat :

:

:

No. Telefon :

Email :

Tajuk Lagu :

Untuk diisi jika lagu ciptaan sendiri.

Komposer :

Penulis Lirik :

Nama Ahli Kumpulan :

BIL	NAMA PENUH	NO. K/P	POSISI
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			

- Dengan ini saya bersetuju untuk menyertai Pertandingan Kumpulan Pop Lagu Johor dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan serta tidak akan membuat sebarang tuntutan perbelanjaan bagi tujuan program ini.

Tandatangan :
Ketua Kumpulan

Tarikh :

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi urus setia di talian 07-221 0091 / 07-224 5488.

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini terbuka kepada semua kumpulan-kumpulan kugiran/band sama ada amatir atau professional di seluruh Malaysia.
2. Jumlah ahli kumpulan tidak melebihi lapan (8) orang termasuk penyanyi dan ketua kumpulan.
3. Had umur peserta bagi kumpulan menyertai pertandingan ini ialah dibawah 40 tahun.
4. Seorang individu hanya dibenarkan menyertai sebuah kumpulan sahaja. Sekiranya didapati individu yang sama menganggotai dalam dua kumpulan, maka penyertaan kedua-dua kumpulan tersebut akan terbatal.
5. Urusan penyertaan adalah menjadi tanggungjawab kumpulan dan pihak penganjur tidak bertanggungjawab atas kemalangan jiwa, kenderaan dan kerugian harta benda.
6. Borang penyertaan boleh dimuat turun daripada laman web www.medkom.my atau di
Pejabat Sekretariat Anugerah Lagu Johor
Yayasan Warisan Johor, JKR 676, Jalan Petri 5/1, 80100 Johor Bahru.
7. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **11 OGOS 2016 (sebelum 3:00ptg)** dan borang penyertaan hendaklah dihantar ke alamat berikut:-
SEKRETARIAT ANUGERAH LAGU JOHOR
YAYASAN WARISAN JOHOR
JKR 676, JALAN PETRI 5/1, 80100 JOHOR BAHRU, JOHOR.
8. Tarikh saringan pertama adalah pada **13 OGOS 2016** dan saringan kedua pada **14 OGOS 2016**.

CARA PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini akan dijalankan secara saringan terlebih dahulu untuk memilih sepuluh (10) kumpulan ke peringkat separuh akhir bergantung kepada jumlah penyertaan dan seterusnya empat (4) kumpulan terbaik ke peringkat akhir.
2. Kumpulan yang berjaya dipilih ke peringkat akhir akan bertanding semula untuk menentukan pemenang (Johan) hingga ke tempat keempat.
3. Setiap kumpulan diwajibkan membuat persembahan:
 - a. Sebuah (1) lagu ciptaan sendiri *atau*
 - b. Sebuah (1) lagu sedia ada.
4. Senarai lagu sedia ada
 - a. Kota Iskandar
 - b. Anugerah
 - c. Luaskan Kuasamu
 - d. Johor Negeriku
 - e. Johor Kota Dunia
 - f. Permata Selatan
 - g. Tun Sri Lanang
 - h. Semalam Di Johor Bahru
 - i. Senja di Kuala Danga
 - j. Intan Mahkota
5. Setiap kumpulan akan diberikan masa selama dua belas (12) minit sahaja untuk persembahan.
6. Persembahan adalah secara 'live'.
7. Untuk kumpulan yang membawa lagu ciptaan sendiri:-
 - a. Lirik hendaklah menggabungkan konsep Johor merangkumi penyatuan kaum, kasih sayang, cintakan Negara dan pembinaan Negara bangsa tanpa menyentuh sensitiviti perkauman, agama dan politik.
 - b. Irama lagu ciptaan adalah bebas. Penilaian akan diberikan kepada aspek kreativiti melodi yang bermutu, bernilai komersil dan menepati konsep serta mampu menarik minat semua golongan.
 - c. Semua lagu penyertaan yang akan ke peringkat akhir akan menjadi hak milik Yayasan Warisan Johor.
 - d. Yayasan Warisan Johor dibenarkan untuk menggunakan nama, lagu, rakaman video dan suara pemenang bagi tujuan promosi dan publisiti mengenai Anugerah Lagu Johor melalui media elektronik dan media cetak.

PERALATAN PERTANDINGAN

1. Semua alat-alat muzik (hand instruments) seperti gitar, bass gitar, keyboard dan 'drumstick' hendaklah dibawa sendiri. Kumpulan juga dibenarkan jika mahu, membawa dan menggunakan snare, tamborin dan lain-lain kepunyaan sendiri.
2. Alat-alat seperti amplifier, set dram akan disediakan oleh pihak pengelola pertandingan.
3. Penggunaan alat muzik tradisional seperti gambus, rebana dan sebagainya adalah dibolehkan.

PAKAIAN: Pakaian kumpulan adalah bebas tetapi hendaklah sopan dan sesuai. Pemakaian selipar/sandal tidak dibenarkan.

PENGADILAN DAN MARKAH

1. Pihak Pengelola Pertandingan berhak memilih mana-mana Panel Hakim yang berkelayakan untuk menilai pertandingan ini dengan seadil-adilnya.
2. Panel Hakim berhak mengendalikan persembahan semasa pertandingan berlangsung untuk mengulangi semula sekiranya berlaku sebarang kerosakan teknikal yang bukan disebabkan oleh kesilapan peserta.
3. Markah pelaksanaan adalah seperti berikut:-
 - a. Kumpulan yang mantap persembahan serta penyanyi yang mempunyai mutu suara yang baik.
 - b. Tertib, gaya persembahan kumpulan dan keseragaman kumpulan.
 - c. Kemahiran menguasai alat muzik dan gubahan lagu yang menarik.
 - d. Jika terdapat persamaan markah maka keutamaan akan diberi kepada kumpulan yang mendapat markah tertinggi mengikut susunan perkara 1,2,3 di atas.
 - e. Markah bonus diberikan kepada peserta yang membawa lagu ciptaan sendiri.

HADIAH

1. Hadiah pertandingan Kumpulan Pop Lagu Johor:

Hadiah Utama	:	RM7,000.00
Kedua	:	RM5,000.00
Ketiga	:	RM3,000.00
Saguhati	:	RM2,000.00
2. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik dan akan diberikan kepada wakil kumpulan (Ketua) seperti yang tercatat di dalam borang penyertaan.
3. Pihak pengelola dan penganjur tidak akan campur tangan dalam urusan pengedaran hadiah diantara PEMENANG dengan kalangan penulis, penaja atau ahli kumpulan. Pengedaran hadiah di kalangan penulis, penaja dan ahli kumpulan adalah tanggungjawab pemenang.

HAK JAWATANKUASA PENGANJUR

1. Jawatankuasa penganjur adalah berhak meminda/menambah peraturan-peraturan yang difikirkan perlu.
2. Sebarang keputusan adalah **muktamad**.